

22/11/1999

Laporan KDNK dikeluarkan 24 November

KERAJAAN dijangka mengeluarkan laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku ketiga pada 24 November ini, lima hari sebelum pilihan raya umum yang dijangka dimenangi Barisan Nasional (BN) yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ahli ekonomi mengunjurkan KDNK Malaysia bagi suku ketiga melonjak kepada 8.6 peratus dari asas tahun-ke-tahun pada suku ketiga, menurut satu kaji selidik yang dijalankan agensi berita Reuters di kalangan 10 agensi penyelidikan antarabangsa.

KDNK menguncup sebanyak 10.9 peratus pada suku ketiga 1998. Ia bagaimanapun bertumbuh sebanyak 4.1 peratus pada suku kedua 1999 selepas lima suku berturut-turut mencatatkan pertumbuhan negatif.

"Data ekonomi makro yang baru diterbitkan baru-baru ini akan menjadi pelantar kukuh kepada Dr Mahathir mengharungi kempen pilihan raya yang sukar ini," kata SG Securities dalam satu laporan.

Angka terbaru itu jauh lebih tinggi daripada unjuran ahli ekonomi pada bulan lalu apabila mereka menganggarkan KDNK akan bertumbuh sebanyak 4.8 peratus tahun ini.

Data keluaran sektor pembuatan dan perindustrian yang jauh lebih baik dari jangkaan membuatkan ahli ekonomi mengubah unjuran awal mereka kepada lebih 5.0 peratus.

(END)